

'Bas berdentum kuat'

Berita HARAPAN 03/09/2008 N/A/S 61

➔ Dua maut, 15 cedera bas rempuh pembahagi jalan

Oleh Shaarani Ismail
shaarani@nstp.com.my

✦ Batu Gajah

“Saya hanya tersedar daripada tidur selepas terdengar dentuman kuat ketika bas melanggar batu pembahagi jalan,” kata Wan Mohd Amir Erfan Wan Mohd Amin, 19.

Penuntut jurusan Diploma Bangunan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Seri Iskandar itu adalah seorang daripada penumpang bas ekspres dua tingkat yang terabit kemalangan di Kilometer 12.5 Jalan Ipoh-Lumut di sini,

awal pagi semalam.

Kemalangan kira-kira jam 5 pagi itu mengorbankan pemandu bas, Mohamad Azizul Che Aziz, 31, dan seorang penumpang wanita yang juga penuntut UiTM, Seri Iskandar, Munzirah Jalaludin, 20, manakala 15 lagi penumpang cedera termasuk tiga parah.

Penumpang tidur

Wan Amir Erfan berkata, kemalangan berlaku ketika hampir semua penumpang sedang tidur dan dia berada ditingkat atas bas berkenaan.

Katanya, akibat kejadian itu, kakinya tersepit dan dia kemudian terjatuh dari tempat duduk ke lantai.

“Sebelum kejadian, bas dipandu agak laju dan selepas kemalangan, ramai mangsa cuba keluar sendiri daripada bas,” katanya ditemui di Unit Kecemasan Hospital Batu Gajah, di sini, semalam.

Seorang lagi mangsa, Moham-

mad Syamim Zikri Mat Zaki, 18, berkata kemalangan itu menyebabkan patah tangan kanan akibat terkena serpihan batu yang masuk ke dalam bas.

“Selepas kejadian, tangan kanan saya tak berasa apa-apa kerana cedera terkena batu.

“Saya duduk di belakang pemandu bas dan nampak dia cedera, tetapi keadaan tidak jelas sebab sangat berdebu dan penuh habuk ketika itu,” katanya.

Mohammad Syamim berkata, ayahnya akan membawanya pulang ke Besut, Terengganu untuk rawatan susulan di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Kubang Kerian yang lebih hampir dengan rumah ibu bapanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Daerah Batu Gajah, Superintendan Tan Boon Hooi, berkata dua daripada tiga penumpang yang parah dihantar ke Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) untuk rawatan lanjut.



Anggota bomba memeriksa keadaan bas ekspres dua tingkat selepas melanggar pembahagi jalan di Jalan Ipoh-Lumut, Batu Gajah, awal pagi semalam.